

09 FEB 2002

Mahathir-Antartika/I

DR MAHATHIR SIFATKAN LAWATAN KE ANTARTIKA SEKALI DALAM SEUMUR HIDUP

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan lawatannya ke Antartika sebagai "amat berhasil" dan "sekali dalam seumur hidup" bagi beliau."

Ketika bercakap dalam temubual dengan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik melalui telefon satelit dari Antartika, Dr Mahathir berkata beliau terlepas peluang untuk sambutan Tahun Baru Cina dan menyambut Hari Raya Aidil Adha kerana melawat ke Kutub Selatan.

"Ini adalah satu-satunya peluang bagi saya untuk datang ke sini dan saya fikir saya tidak berpeluang lagi untuk membuat lawatan ke Antartika selepas ini," kata beliau dalam temubual itu yang dikendalikan oleh Astro bagi program khas yang disiarkan oleh Radio Era malam ini.

Program itu yang dikendalikan oleh deejay Roland Lee, merakamkan perbualan selama 10 minit antara Dr Mahathir dan Dr Ling, yang juga presiden MCA di stesen radio itu di sini.

Dr Mahathir, yang sedang bercuti diiringi oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak. Mereka bertolak ke Antartika dengan menaiki kapal pemecah air batu Rusia, Kapitan Dranitsyn dari Ushuaia, Argentina.

Dr Mahathir menyifatkan Antartika sebagai tempat yang sejuk dan indah.

Beliau berkata mereka semalam mendarat di stesen yang dikendalikan oleh kerajaan Argentina, yang sekarang telah ditinggalkan kerana mereka tidak lagi menjalankan penyelidikan di sana buat beberapa ketika.

" Kami juga menaiki bot kecil melayari tungkul-tungkul air batu kecil di sana untuk menikmati keindahan benua yang menakjubkan ini," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata walaupun bercuti, mereka diberi penerangan oleh para saintis Malaysia mengenap apa yang mereka jalankan di sana.

Pada oktober 1999, Malaysia telah menghantar empat saintis ke Antartika untuk menjalankan penyelidikan di sana. Kumpulan itu terdiri daripada saintis dari Universiti Malaya yang menjalankan penyelidikan mengenai pencemaran udara.

Pada Disember lepas, Malaysia menghantar misi kedua terdiri daripada dua saintis dari Universiti Malaya yang menjalankan penyelidikan mengenai sains marin dan biologi.

Dr Mahathir dalam perbualan singkat dengan Dr Ling juga mengucapkan selamat menyambut Tahun Baru Cina kepada semua masyarakat Cina di Malaysia sambil berkata: " Saya pasti sambutan tahun ini diadakan secara besar-besaran."

Beliau berharap semua rakyat Malaysia akan bersama-sama menyambut Tahun Baru Cina dengan mengunjungi antara satu sama lain dan menikmati "kek dan kuih" yang disediakan bagi tahun baru.

" Saya kali ini tidak berpeluang untuk meraikannya, saya berharap saya berada di Malaysia tetapi ini adalah satu-satunya peluang untuk saya datang ke Antartika," kata beliau.

Ketika mengulas rujukan Dr Ling bahawa tahun ini ialah tahun Dr Mahathir kerana "Ma" dalam bahasa Cina bermakna kuda, Dr Mahathir berkata: "Saya memang sedar bahawa nama saya bermaksud kuda dalam bahasa Cina. Saya berharap saya tidak seperti kuda yang berlari berpusing dan berpusing."

"Saya berharap untuk menuju lurus dan mungkin saya dapat menyumbang khidmat kepada negara dan kepada semua rakyat di Malaysia," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau amat gembira kerana dapat bercakap dari tempat yang jauh dan dalam iklim yang sama sekali berbeza dengan iklim di Malaysia.

Malaysia ialah 11 jam mendahului Antartika daripada segi waktu dan dalam perbualan itu, waktu di Kutub Selatan ketika itu ialah kira-kira pukul 11 pagi.

Dr Mahathir yang berlepas dari Ushuaia, Argentina pada 6 Feb menuju ke Antartica dijangka kembali ke Ushuaia pada Selasa ini (13 Feb).

Antartika, yang dua kali lebih besar daripada Australia, ialah tempat paling berangin selain tempat paling sejuk dan kering di bumi. Hampir 98 peratus daripada benua itu diliputi ais setebal 2,000 hingga 4,000 meter.

-- BERNAMA

HK HK FAZ